

# Berit@UTeM

www.utem.edu.my | Edisi September | Konvokesyen

*Sekalung  
Tahniah*



**Y.BHG TAN SRI  
HADENAN BIN ABDUL JALIL**  
PENGISYTIHARAAN  
SEBAGAI PRO-CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**YBHG. DATUK  
AMINAR RASHID BIN SALLEH**  
PENGANUGERAHAN  
IJAZAH KEHORMAT  
DOKTOR KEJURUTERAAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## *Majlis* **Konvokesyen** UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

DEWAN BESAR UTeM  
3 & 4 OKTOBER 2015 | SABTU & AHAD  
BERSAMAAN 19 & 20 ZULHIJAH 1436H

*Ke-11*

*Tahniah Graduan*





## Sekalipun Sirih Naib Canselor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya menzahirkan kesyukuran kepada SWT kerana dengan kurnia dan izinNya kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka ke 11 yang penuh dengan adat istiadat gemilang.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing sehingga layak bergelar graduan pada Majlis Konvokesyen kali ini. Ini membuktikan keupayaan anda mentransformasikan potensi diri agar terus cemerlang demi manfaat diri sendiri, ibu bapa, masyarakat dan negara. Saya mewakili pengurusan tertinggi universiti mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat dan ibu bapa graduan bagi memeriahkan lagi majlis bersejarah ini.

Majlis Konvokesyen UTeM ke 11 Tahun 2015 bakal berlangsung selama 2 hari akan menyaksikan 4 sesi penganugerahan ijazah melibatkan seramai 2551 graduan daripada pelbagai bidang dan peringkat pengajian merangkumi 14 graduan Doktor Falsafah, 194 graduan Ijazah Sarjana, 2087 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 256 graduan Diploma.

Tahniah juga diucapkan kepada 376 graduan sulung Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang berjaya menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen kali ini. Penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan merupakan satu pencapaian penting dalam memperkasakan program-program teknikal dan menerapkan ciri-ciri kreativiti serta inovasi di kalangan pelajar UTeM. Usaha ini bukan sahaja akan memastikan UTeM terus menerajui bidang teknikal dan teknologi negara, malah akan terus memastikan graduan UTeM menjadi pilihan utama industri diperingkat nasional dan juga global.

UTeM turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid bin Salleh, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua) Sdn Bhd di atas sumbangan beliau dalam bidang kejuruteraan automotif yang amat berguna dalam membantu universiti memenuhi bidang tujuhan. Majlis Konvokesyen pada kali ini juga turut menyaksikan pemahsyuran Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin Abdul Jalil sebagai Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang baharu. Tahniah diucapkan.

UTeM ditubuhkan bagi menerajui bidang teknikal selaras dengan hasrat dan aspirasi negara dalam usaha mencapai taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. UTeM sentiasa berusaha untuk melahirkan modal insan berkualiti dalam bidang teknologi kejuruteraan yang turut menyokong usaha mengarusperdana agenda Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan 1.6 juta guna tenaga sebagaimana yang



Sebagai sebuah universiti teknikal awam pertama yang menerima status autonomi, UTeM komited menyahut cabaran 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada April lalu untuk memperkasakan bidang akademik, kualiti dan bilangan tenaga mahir.

Tahniah sekali lagi diucapkan kepada seluruh graduan UTeM dan teruskanlah usaha memuliakan ilmu sebaik mungkin untuk manfaat diri, keluarga, masyarakat dan negara. Sesungguhnya bekalan ini amat bernilai kepada graduan menjadi insan terbilang. Ribuan terima kasih juga kepada para pendidik UTeM yang sentiasa komited dalam menghasilkan modal insan UTeM yang cemerlang.

Indah berseri cincin berlian,  
Elok dipakai bertatah permata,  
Menggilap potensi kepelbagaian insan,  
Berkemahiran teknikal bersahsiah mulia.

Congkak kayu jadi kurnia,  
Wira perkasa beradu sama,  
Generasi penerus harapan bangsa,  
Semarak ilmu membangun Negara.



## *Pemahsyuran* Pelantikan sebagai **Pro - Canselor**

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Hadenan Bin Abdul Jalil dilahirkan pada tanggal 22 Februari 1946 di Kampungku Sayang, Bukit Baru, Melaka. Beliau mendirikan rumahtangga dengan Y.Bhg. Puan Sri Faridah binti Abdul Hamid dan dikurniakan tiga orang cahaya mata.

Tan Sri Datuk Dr. Hadenan Bin Abdul Jalil mendapat pendidikan awal di Tengker English School dan seterusnya menyambung pendidikan menengah di Gajah Berang School sehingga tingkatan lima sebelum menyambung pengajian di peringkat menengah atas di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Setelah menduduki peperiksaan Higher School Certificate (HSC), beliau mendapat tawaran biasiswa MARA untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dengan pengkhususan dalam bidang perakaunan. Tiga tahun kemudian beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan di Asian Institute of Management, Manila dan seterusnya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Henley Management College / Brunel University, United Kingdom.

Sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Kewangan pada tahun 1970. Usai pengajian diperingkat Ijazah Sarjana pada tahun 1975, beliau ditempatkan di Bahagian Cukai sebagai Ketua Penolong Setiausaha.

Pada tahun 1984, beliau dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa dan seterusnya sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan dua tahun kemudian. Pada tahun 1991, beliau dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Kewangan. Setelah genap berkhidmat di Kementerian Kewangan selama hampir 28 tahun, beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada tahun 1998. Sembilan bulan kemudian beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya.



Pada tahun 2000, Tan Sri Datuk Dr. Hadenan Bin Abdul Jalil telah di lantik sebagai Ketua Audit Negara di Jabatan Audit Negara sehingga tahun 2006. Setelah bersara Tan Sri Datuk Dr. Hadenan Bin Abdul Jalil masih aktif dalam bidang perniagaan dan sektor swasta. Pengalaman luas Tan Sri Datuk Dr. Hadenan Bin Abdul Jalil dalam bidang pengurusan dan kewangan mendapat pengiktirafan banyak pihak dan beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Maybank Berhad, Ahli Lembaga Pengarah Maybank Islamic Berhad, Pengerusi Protasco Berhad, Pengerusi THP Sinar Sdn. Bhd., Pengarah Unilever (M) Sdn. Bhd., Penasihat Kumpulan Pembangunan Sinar Jernih Sdn. Bhd., Pengerusi PNB Commercial Sdn. Bhd. dan Ahli Supervisory Board ABBank Vietnam.



## Penerima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan **YBHG. DATUK AMINAR RASHID BIN SALLEH**

Beliau di lahirkan pada 16 Mac 1960. Sudah berkeluarga dan di kurniakan seramai tiga orang cahaya mata. Sejarah kejayaan beliau bermula seawal di alam persekolahan lagi apabila mendapat keputusan yang cemerlang di dalam Peperiksaan MCE pada tahun 1976. Kemudiannya, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma Kejuruteraan Awam di Universiti Teknologi Mara pada tahun 1980, dan menyambung kembali ke jurusan yang sama di peringkat Ijazah pada tahun 1982.

Selepas menamatkan pengajian, beliau telah memulakan tugas dan tanggungjawab dengan menimba pengalaman yang berharga sebagai Jurutera Projek di Techart Sdn. Bhd. iaitu salah satu daripada anak syarikat Mara pada tahun 1983 dengan di beri kepercayaan membantu Pengurus Projek menguruskan pembinaan bangunan Kompleks Sri Mara, setinggi 26 tingkat di samping membaik pulih bangunan Mara yang lainnya. Hasil dari kejayaan dengan amanah yang di beri, maka beliau telah di naikkan pangkat ke jawatan Pengurus Harta dan Penyelenggaraan di syarikat yang sama pada tahun 1985 sehingga 1991.

Dahagakan ilmu dan pengalaman yang lebih mencabar, beliau telah memberanikan diri dengan menamatkan kerjaya beliau di syarikat berkenaan pada tahun 1992 dan melanjutkan pengajian di dalam bidang perniagaan dengan memperoleh Diploma dalam Pengurusan Perniagaan di Universiti Central Lancashire, England. Ilmu yang di timba ini telah memberikan satu kelebihan kepada beliau kerana sekembalinya ke Malaysia, beliau telah memulakan kerjaya sebagai Pengurus Harta dan Fasiliti di UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. Di tempat baru, beliau telah membuktikan kecemerlangan beliau sebagai pengurus sehingga di naikkan pangkat kepada Pengarah Urusan Sumber Manusia dan Pentadbiran pada tahun 1996 dan pada tahun 2001 pula di naikkan pangkat ke jawatan Pengarah Urusan Sumber Manusia Utama di syarikat yang sama.

Pada tahun 2004 pula, beliau telah di beri amanah serta tanggungjawab untuk meningkatkan penjualan produk kereta syarikat sebagai Pengarah Eksekutif, Kumpulan Jualan. Membuktikan kehebatan dan kejayaan beliau dalam merancang strategik yang berkesan dengan meningkatnya jualan produk Toyota, maka beliau telah di tugaskan pula ke bahagian Kumpulan Perancangan Strategik sebagai Pengarah Urusannya pada tahun 2006 dan pada tahun 2007, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan dalam Kumpulan Strategik Pemasaran sehingga tahun 2009.

Kehebatan anak Melayu ini dalam meniti kejayaan demi kejayaan yang tidak putus dalam bidang pengurusan telah membawa beliau ke tahap yang lebih tinggi lagi apabila beliau di beri kepercayaan serta tanggungjawab untuk menguruskan sebuah syarikat kereta nasional yang kedua terbesar di Malaysia selepas Proton, iaitu Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.



atau singkatannya Perodua pada tahun 2009 sebagai Pengarah Urusannya dan pada tahun 2013 diangkat menjadi Presiden dan Ketua Eksekutif di tempat yang sama sehingga sekarang.

Meski pun sibuk dengan kerjaya dan memegang jawatan tinggi di dalam dunia industri negara, tanggungjawab kepada masyarakat tidak pernah di abaikan oleh beliau seperti pernah mengumpul dana sebanyak RM 5 juta untuk di agihkan kepada 70 badan kebajikan, menubuhkan Program Toyota Eco – Youth untuk murid – murid sekolah, Projek Perodua Eco – Challenge, menyediakan latihan dan kursus kepada lepasan Tingkatan 5 yang kurang menyerlah dalam bidang akademik supaya menceburi bidang teknikal dan vokasional dan memberi biasiswa kepada 15 pelajar bagi melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan pada setiap tahun.

Atas daya usaha dan kecemerlangan beliau ini, maka banyak agensi – agensi kerajaan dan swasta telah memberikan penghormatan dan anugerah: di antaranya ialah, Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) 2010 oleh Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob. Industry Excellence Award 2012 oleh Dewan Perniagaan Melayu, Tokoh Sukan Alumni UiTM 2012 oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM), Tokoh Alumni UiTM 2013 oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM), Automotive Man of the Year 2014 oleh NSTP-Maybank Car of The Year Award



**Enrolmen pelajar UTeM sehingga Sept 2015/2016**  
(Maklumat sah sehingga 22 Sept 2015)

No.	Peringkat	Bilangan
1	Diploma	930
2	Ijazah Sarjana Muda	9514
3.	Ijazah Sarjana	793
4.	Doktor Falsah	271
5.	Doktor Kejuruteraan	33
<b>Jumlah</b>		<b>11541</b>

**Kemasukan Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2015/2016**

FAKULTI	BILANGAN SETAKAT 22 Sept 2015		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
FKE	179	82	260
FKEKK	108	96	204
FKM	166	51	217
FKP	84	124	208
FPTT	77	193	270
FTMK	109	170	279
FTK	445	270	685
<b>JUMLAH</b>	<b>1168</b>	<b>955</b>	<b>2123</b>

**Kemasukan Pelajar Baharu Antarabangsa Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2015/2016**

FAKULTI	PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU ANTARABANGSA SETAKAT 22 Sept 2015	
	Undergraduate	Postgraduate
FKE	2	5
FKEKK	0	8
FKM	2	2
FKP	0	1
FPTT	1	2
FTMK	2	8
IPTK	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>34</b>	

**Statistik**  
**Majlis Konvokesyen ke-11 UTeM 2014**  
(Maklumat Sah Sehingga 23 Sept 2015)

**Jumlah keseluruhan pelajar yang akan bergraduat ialah:**  
(Sehingga 23 Sept 2015)

Fakulti	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	Jumlah
FKE	46	277	12	0	336
FKEKK	46	240	29	0	316
FKM	62	334	16	0	412
FKP	38	289	72	4	403
FTMK	62	333	64	8	467
FPTT	0	191	33	5	229
FTK	0	376	0	0	376
<b>JUMLAH</b>	<b>254</b>	<b>2040</b>	<b>226</b>	<b>19</b>	<b>2539</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>2539</b>

**Penerima Anugerah Hadiah Akademik 2015**

Anugerah	Bilangan
Anugerah Diraja	2
Anugerah Canselor	2
Anugerah Naib Canselor	41
Hadiah Industri	7

Anugerah Khas Industri	Bilangan
Anugerah Kecemerlangan Infineon	1
Anugerah Industri Infineon	1
Anugerah Pencapaian Keysight	1

Anugerah Khas Yayasan Melaka	Bilangan
Anugerah Yayasan Melaka	2

**Bilangan Graduan Antarabangsa 2015**

No	Program	Bilangan Graduan
1.	PhD	8
2.	Ijazah Sarjana	24
3.	Ijazah Sarjana Muda	15
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>47</b>

**Bilangan graduan UTeM dari tahun 2005 hingga 2015**

Tahun	Graduan
2005	471
2006	997
2007	1348
2008	1442
2009	1591
2010	1408
2011	1502
2012	1862
2013	2113
2014	2396
2015	2539
<b>Jumlah</b>	<b>17669</b>





Hari ini merupakan hari kemenangan kepada kesemua graduan.

Bersempena Majlis Istiadat Konvokesyen Kali Ke-11 UTeM, bagi pihak seluruh warga Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi Ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniat kepada para graduan di

atas daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi dunia pembelajaran dan ternyata segala usaha dan pengorbanan akhirnya membuahkan hasil. Saya percaya majlis yang gilang-gemilang ini merupakan titik permulaan bagi anda untuk menabur bakti dan berbudi kepada Agama,

Bangsa dan Negara.  
Bunga Kebangsaan si bunga raya,  
Diletakkannya di tepi perigi,  
Kalau graduan Ingin berjaya,  
Tetapkan mullamat, rancangkan strategi.

**PROF. DR BURAIRAH BIN HUSSIN**  
Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

TAHNIAT KEPADA SEMUA GRADUAN  
Kehidupan selepas beberapa tahun berada di 'menara gading' adalah penuh dengan cabaran dan harapan. 'Cabaran' dalam menjawab persoalan sama ada ilmu dan kemahiran hidup yang digarap benar-benar dapat menjadikan setiap graduan seorang yang bersyukur dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan Negara. 'Harapan' oleh 'stakeholders', sama ada ayah-ibu, keluarga, masyarakat dan negara adalah agar pelaburan dan pengorbanan yang dicurahkan selama ini membuahkan hasil dalam bentuk seorang insan yang dapat dimanfaatkan. Tahniat dan Selamat Berjaya dari saya yang mewakili

**PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM**  
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



"Tahan jerat sambil berdiri,  
Tempua di semak bersarang rendah,  
Kalau kuat pegangan diri,  
Ranjau dan onak dapat diredah"

Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniat kepada graduan FPTT yang telah berusaha bersungguh-sungguh serta berkorban masa dan tenaga demi menggapai segulung ijazah yang dilmpikan sejak dari bangku sekolah. Berusahalah dengan kebenaran dan tanpa putus asa serta mengikut jalan yang diredhainya, semoga mendapat kebahagiaan hidup yang hakiki.

**DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN ABDUL HAMID**  
Dekan, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



FKM mengucapkan setinggi tahniat kepada semua graduan mahasiswa mahasiswi UteM khususnya warga FKM yang diraikan pada Majlis Konvokesyen ke-11 tahun ini, kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing sehingga layak kini digelar graduan.

Tidak lupa juga ucapan setinggi tahniat kepada para Ibu bapa yang telah berjasa, memberikan doa restu dan susah payah mendidik dan membesarkan graduan. Ucapan syabas dan terima kasih juga kepada pensyarah, pentadbir dan staf UTeM kerana jasa bakti anda telah menyumbang kepada kejayaan graduan yang menerima Ijazah pada hari ini. Alhamdulillah.

**ENGR. PROF. MADYA DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Tahniat, Congratulation  
Dluapkan kepada semua graduan yang menerima Ijazah dan Diploma di Konvokesyen ke-11



Konvokesyen ke-11 Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Majlis Konvokesyen kali ini amat bermakna kerana turut meralkan graduan sulung FTK yang akan bergraduat. Sesungguhnya daya usaha, kegigihan dan komitmen yang tinggi serta sokongan daripada Ibulubapa masing-masing telah membolehkan para graduan menamatkan pengajian dan mengecapi kejayaan yang diraikan dengan penuh gemilang ini. Selamat menempuhi dunia realiti dan pergunakanlah ilmu yang diperolehi dengan profesionalisme yang tinggi demi pembangunan bangsa juga negara dan senilasa komited untuk "Menyerlah Jauh dari Yang Biasa". Kepada semua graduan sekali lagi dluapkan Tahniat dan Selamat Maju Jaya.

**PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat.

Pada Majlis Konvokesyen ke-11 (Tahun 2015), FKEKK sekali lagi berjaya melahirkan seramai 332 orang graduan daripada pelbagai peringkat pengajian di dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer. Tahniat kepada para graduan di atas daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi dunia pembelajaran dan ternyata segala usaha dan pengorbanan akhirnya membuahkan hasil. Tahniat kepada para graduan. Sekian, terima kasih.

**PROF. DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Syabas dan tahniat dluapkan kepada para graduan UTeM khususnya graduan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang telah menamatkan pengajian dan menerima Ijazah pada Istiadat Konvokesyen UTeM kali ke 11. Harapan saya agar para graduan dapat menggunakan segala ilmu yang diperolehi dengan sebaik-baiknya untuk berbakti kepada masyarakat dan membangunkan Negara. Kejayaan anda semua menjeremahkan hasrat dan misi UTeM iaitu melahirkan graduan yang bukan sekadar cemerlang akademik tetapi juga sahsiah diri. Tahniat kepada semua graduan!

**PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Tahniat dan syabas saya ucapkan kepada semua graduan Universiti Teknikal Malaysia Melaka amnya dan graduan Fakulti Kejuruteraan Elektrik khususnya. Sesungguhnya, hari ini adalah hari yang paling bermakna dalam kehidupan diri para graduan. Saya percaya, lanya merupakan hasil daripada usaha gigh anda selama menjalani pengajian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.



Syabas dan tahniat dluapkan!

"Gapallah Implan setinggi yang boleh,  
Lebihkan memberi, tanpa mengharap sesuatu untuk diraih,  
Graduan terbilang harapan perpaduan,  
Satukan Idealisme, demi keharmonian dan kemakmuran"

**ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka





## Canselor UTeM Ketua Lawatan Kerja Ke Jerman, Turki

Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Tun Mohd Khalil Yaakob telah mengetuai delegasi lawatan kerja ke universiti di Jerman dan Turki baru-baru ini.

Lawatan tersebut bertujuan untuk menyebarkan jaringan dan meningkatkan kerjasama dengan universiti serta industri tersohor di dunia. Dalam lawatan kerja tersebut delegasi UTeM telah melawat Universiti Hannover Jerman, Universiti Teknikal Yildiz Turki serta lawatan industri ke Ibu Pejabat Volkswagen Jerman dan Taman Teknologi Yildiz di Turki.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, lawatan itu juga bermatlamatkan untuk mengkaji dan melakukan penanda aras bagi memantapkan lagi pelaksanaan program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan yang sedang dilaksanakan oleh UTeM.

“Sebagai sebuah universiti teknikal yang berteraskan aplikasi dan amalan, UTeM sentiasa komited untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan bagi memastikan visi, misi dan objektif UTeM tercapai” ujar beliau.

Beliau berkata, UTeM telah menandatangani memorandum kerjasama (MoA) dengan kedua-dua universiti tersebut pada tahun 2011 yang lalu dan lawatan ini amatlah

bertepatan bagi memperhebatkan lagi jalinan kerjasama terutama program mobiliti pelajar, penyelidikan dan inovasi.

“Sesi perbincangan yang diketuai oleh Tun Canselor turut diadakan bagi berkongsi maklumat berkaitan modul pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai dalam sistem pendidikan tinggi di Jerman terutama berkaitan bidang teknikal dan vokasional sehingga meletakkan negara itu antara salah sebuah negara termaju dan berdaya saing tinggi di dunia.

Semasa lawatan ke industri, delegasi UTeM turut berpeluang melihat dengan lebih dekat kepakaran yang dimiliki oleh syarikat terkemuka dunia seperti Volkswagen dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penghasilan teknologi terkini dalam sektor kejuruteraan automotif.

Lawatan tersebut turut disertai oleh Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM Senator Zali Mat Yasin, Omar Shariff Mydeen dan Azrul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhammad, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Penasihat Undang-Undang UTeM Azhar Mohamed.





Zulfatria Abdullah 7 Jurufoto Rasmi Universiti

## UTeM Terus Jadi Pilihan Pengajian TVET

Penawaran kursus dan program akademik yang berfokus dalam bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) merupakan antara faktor utama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menjadi pilihan para pelajar untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah di negara ini.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, kecemerlangan UTeM dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan dan inovasi serta kemampuan universiti itu dalam menghasilkan graduan berkejuruteraan dan berkemahiran tinggi yang memenuhi kehendak industri turut menjadi penyumbang kepada peningkatan pelajar di UTeM.

“Penawaran pelbagai kursus teknikal di peringkat diploma hingga pascasiswazah bertujuan untuk memastikan graduan universiti ini terus menjadi pilihan utama industri yang mampu memenuhi permintaan pasaran kerja TVET berjumlah 1.3 juta dalam 12 sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pada 2020 nanti” ujar beliau ketika ditemui pihak media semasa hari pendaftaran pelajar baharu program ijazah sarjana muda sesi 2015/2016 di Kampus Induk Durian Tunggal semalam.

“Biarpun menghadapi persaingan dengan institusi pengajian tinggi yang lain, UTeM terus mendapat kepercayaan ibu-bapa dan para pelajar untuk melanjutkan pengajian berikutan keunikan program akademik yang berorientasikan kepada konsep ‘hands on’ dan komponen pembelajaran yang memenuhi kehendak pihak industri” ujar beliau.

Pendaftaran pelajar baharu UTeM sesi 2015/2016 telah menyaksikan lebih 2000 orang pelajar telah mendaftar untuk melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, teknousahawan dan teknologi maklumat di universiti tersebut.

Yang turut hadir Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka Datuk Wira Md Yunos Husin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid dan pengurusan kanan universiti.





## Warga UTeM Diseru Tingkat Kesedaran Keselamatan Jalan Raya

Menjelang musim perayaan ini, semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terutamanya para pelajar diseru untuk meningkatkan kesedaran terhadap aspek keselamatan semasa berada di jalan raya.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, saban tahun menjelang musim perayaan, berita-berita utama di media massa tidak lekang dari memaparkan berita mengenai kemalangan jalan raya dan lebih membimbangkan angka kematian akibat kemalangan jalan raya di negara ini sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

“Sebagai contoh, pada pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lepas, lebih daripada 12,500 kes kemalangan jalan raya telah dicatatkan, dan daripada jumlah itu, lebih daripada 200 kes kematian akibat kemalangan jalan raya telah direkodkan. Lebih menyedihkan, sebahagian besar daripada kes kemalangan ini melibatkan penunggang motosikal dan golongan muda yang berumur antara 16 hingga 25 tahun” ujar beliau ketika merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

Beliau berkata, semua warga UTeM perlu memupuk amalan pemanduan berhemah, bertolak ansur dan mempunyai sifat penyabar ketika berada di jalan raya serta merancang perjalanan dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

“Walaupun pelbagai kempen, advokasi dan kaedah keselamatan jalan raya sentiasa diwar-warkan oleh pihak yang berkaitan, namun masih ada di kalangan masyarakat

yang mengambil mudah dan memperkecilkan usaha ini” ujar beliau.

Menurut beliau, masyarakat di negara ini perlu melakukan perubahan sikap iaitu dengan membudayakan disiplin diri dan sentiasa prihatin terhadap keselamatan orang lain serta tidak membiarkan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melaksanakan tugas mereka secara bersendirian.

Program anjuran UTeM dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR) dan Sirim QAS International Sdn Bhd yang bertujuan untuk memberi kesedaran di kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta staf UTeM sendiri berkenaan aspek-aspek yang berkaitan dengan isu keselamatan jalan raya selain memberi pendedahan dan perkongsian mengenai peraturan penggunaan jalan raya yang lebih sistematik dan selamat.

Dalam perkembangan yang sama Sirim QAS International Sdn Bhd turut menyumbangkan sebanyak 200 biji topi keledar kepada pelajar UTeM sebagai usaha meningkatkan lagi kesedaran dan keselamatan para pelajar semasa berada di dalam kampus mahupun di luar kampus.

Yang turut hadir, Pengarah JKJR Malaysia Abd Ghafar Yusof, Pengarah Urusan Sirim QAS International Sdn Bhd Khalidah Mustafa, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM Prof. Madya Izaidin Abdul Majid, Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) UTeM Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang, pegawai dan pelajar UTeM.





## 3 Sekolah Terima 2,900 Naskhah BH Tajaan UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memperluaskan program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dengan menaja 2,900 naskhah akhbar BH untuk pelajar tingkatan tiga sekolah menengah di negeri ini.

Sebanyak 1,200 naskhah dibekalkan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh, manakala SMK Ayer Molek, dekat sini dan SMK Ade Putra di Masjid Tanah, masing-masing menerima 1000 dan 700 naskhah.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib, berkata pihaknya aktif dalam penajaan akhbar, terutama BH kerana mementingkan pendidikan.

Katanya, "Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Begitu juga peranan UTeM yang berusaha menyampaikan kepada pelajar bahawa budaya membaca yang semakin pupus perlu dikembalikan supaya negara kita mampu bersaing dengan negara lain.

"Jika ingin berjaya di dunia dan akhirat, membaca adalah kunci kepada ilmu. Islam sendiri meletakkan tanggungjawab membaca pada tempat paling utama melalui wahyu pertama yang diturunkan, iaitu 'Iqra yang menuntut umatnya sentiasa membaca bagi menambah ilmu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan sumbangan akhbar BH kepada pengetua SMK Ayer Keroh, Kamariah Othman, di sini semalam. Yang turut hadir, Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM, Fazidah Ithnin dan ketua biro BH Melaka, Badrul Hizar Ab Jabar.



Selain menerapkan budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah, beliau menyifatkan program CSR yang dianjurkan itu sebagai platform untuk mengeratkan hubungan di antara dua institusi, iaitu sekolah dengan UTeM melalui kerjasama dalam bidang pendidikan.

Sementara itu, Kamariah yakin penajaan akhbar BH akan membantu pelajar sekolahnya meningkatkan penguasaan dalam proses pembelajaran.





## Program Infosys Pertingkat Tenaga Mahir Dalam ICT

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Program Infosys Kumpulan 13 yang bertujuan untuk mempertingkatkan tenaga mahir dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara ini.

Program anjuran Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) UTeM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Multimedia Development Corporation (MDeC) itu telah menyaksikan penyertaan seramai 93 orang peserta daripada 18 buah Universiti Awam seluruh negara bermula 2 Ogos hingga 28 Ogos yang lalu bagi memantapkan lagi persediaan diri sebelum menjejaskan kaki ke dunia pekerjaan.

Melalui program tersebut, peserta turut didedahkan dengan pengetahuan mengenai teknologi maklumat melalui modul yang disediakan oleh Infosys Technologies Limited, iaitu sebuah syarikat teknologi maklumat terbesar di India.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, program Infosys yang bermula sejak 2006 itu juga merupakan ulang kaji kepada para peserta kerana kebanyakan kursus yang diikuti sebenarnya telah dipelajari di dalam pengajian masing-masing di universiti.

“Penganjuran program itu bukan sahaja dapat membantu mempertingkatkan aspek teknikal dalam bidang ICT

bahkan meliputi kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan serta semangat daya saing antara kumpulan sejajar dengan agenda kerajaan untuk melahirkan graduan yang holistik dan berciri keusahawanan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025” ujar beliau.

Majlis penutup Program Infosys telah diadakan pada Jumaat lalu yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah bertempat di sebuah hotel di Ayer Keroh.

Dalam ucapan penutup, Dr. Abu Bakar berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa menyokong usaha-usaha universiti tempatan untuk melahirkan lebih ramai pelajar dan graduan teknologi maklumat yang berkualiti dan berpengetahuan tinggi dalam bidang ICT.

Beliau berkata, menerusi program itu graduan Malaysia berupaya untuk maju dalam dunia yang kompleks dan sentiasa berubah serta menyumbang dalam mencapai aspirasi Malaysia sebagai maju menjelang 2020.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Bakat MDEC Muhamad Imran Kunalan Abdullah, Dekan FTKM Prof. Dr. Burairah Hussin dan pengurusan universiti.





Zulfatria Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

## UTeM Raih Penarafan Inovasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya meraih kejayaan apabila menerima penarafan emas dalam Konvensyen Team Excellence 2015 Wilayah Selatan yang telah diadakan baru-baru ini.

Dalam pertandingan yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di negeri itu, UTeM telah diwakili oleh kumpulan TechITez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dan Kumpulan Molia dari Perpustakaan Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan UTeM. Noorazilah Mohamed berkata, dalam pertandingan itu kumpulan TechITez telah mempersembahkan projek inovasi bagi Sistem Pendaftaran Pintar bagi pelajar baharu manakala kumpulan Molia mempertaruhkan projek E-TAG.

Menurut beliau, konvensyen itu telah berjaya memberi pendedahan kepada peserta dari UTeM mengenai aspek produktiviti dan kualiti dalam menghasilkan penyelesaian

yang kreatif dan inovatif serta impak dan keputusan ke atas projek.

Konvensyen anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu diadakan bertujuan untuk menggalakkan dan mempergiatkan usaha sesebuah organisasi bagi meningkatkan produktiviti serta platform dalam melahirkan bakat dan modal insan yang kreatif dan inovatif.

Konvensyen itu telah menyaksikan penyertaan lebih 71 pasukan dari pelbagai agensi dan organisasi termasuk sektor pendidikan, kesihatan serta perbandaran yang juga bertujuan menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi dikalangan pekerja yang dapat diaplikasikan dalam proses kerja seharian.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Wira Hj. Naim Abu Bakar.







Dr. Radzuan bin Nordin  
Pengarah Pusat Islam



## HIDUPKU...MATIKU...HANYALAH UNTUK-MU

Keindahan dunia kini lebih didambai oleh manusia di bumi sedangkan dunia hanyalah sementara yang tidak akan kekal lama. Kehidupan manusia lebih mengutamakan hal-hal dunia lebih daripada Allah. Maka manusia lupa akan janjinya pada Allah sebagai khalifah di bumi iaitu hidupku matiku adalah keranaMu ya Allah.

Perjanjian ini seringkali kita manusia menyebutnya di dalam solat di dalam bacaan doa iftitah. Perjanjian ini juga telah ditematerai di dalam ayat al quran surah al an'am ayat 162-163 yang bermaksud :

***"katakanlah :sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tidak ada sekutu bagiNya dan demikian lah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang terawal menyerah diri."***

Begitulah janji-janji umat islam yang sentiasa di lafaskan dan disebutkan di dalam solat masing-masing. Akan tetapi, kini janji-janji itu hanyalah sekadar dilafaskan di mulut tidak sampai ke dalam hati untuk disematkan. Bahkan manusia kini lebih mengagung-agungkan alam maya dari Allah. Hal ini kerana manusia kini lebih suka mengadu kesedihan,kepayahan, kesusahan yang mereka lalui di alam maya. Misalnya, facebook , tweeter, Instagram, we chat dan sebagainya. Sedangkan aplikasi-aplikasi ini hanya ciptaan manusia untuk mengaburi pandangan manusia mahupun pemikiran manusia daripada memikirkan hal ukhrawi. Hal ini mengakibatkan umat islam sering terleka dan lalai menunaikan janjinya dengan Allah iaitu mengabdikan diri sentiasa dengan Allah, tidak selainNya.

Selain itu juga, kelalaian manusia kini jauh melupakan Allah s.w.t sedangkan Allah mencipta manusia itu sebagai khalifah di muka bumi ini untuk dimakmurkan iaitu dengan menguatkan diri dengan islam, mendekati diri dengan islam dan menyebarkan islam pada makhluk yang bukan beragama islam iaitu dakwah. Sepertimana yang telah Allah firmankan di dalam surah al baqarah ayat 30 yang bermaksud:

***"ingatlah Tuhanmu berfirman kepada malaikat:"sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi" lalu mereka berkata "mengapa Engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerosakkan padanya dan menumpahkan darah padahal kami sentiasa bertasbih kepadaMu? Tuhan berfirman;" sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak engkau ketahui".***

Jelaslah di sini bahawasanya Allah menciptakan manusia sebagai khalifah adalah untuk memakmurkan bumi dan menyuruh manusia agar sentiasa beribadah padaNya sama ada berzikir, bertasbih mahupun bertakbir. Ayat ini juga menjelaskan hanya Allah yang patut dipatuhi dan ditaati. Hidup dan mati kita sebagai manusia tidak lain dan tidak bukan adalah membuat ibadat kepada Allah s.w.t berdasarkan ayat al quran surah azzariyat ayat 56 :

***"dan tidaklah aku menciptakan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadah kepadaKu".***

**Jelas pada ayat ini segalanya diadukan pada Allah bukan manusia mahupun alam maya atau media sosial yang hanya ciptaan manusia kerana Allah itu maha mendengar lagi maha pengampun.**

Pintu taubat sentiasa dibuka untuk kita manusia mengadu dan memohon segala keampunan pada Allah s.w.t dan sentiasalah berdoa dengan sebenar-benar permohonan kepada Allah. Titiskanlah air mata dan janganlah disorokkan air mata itu kerana ianya akan menjadi saksi kelak dihadapan Allah s.w.t.







Zulfatria Abdullah 7 Jurufoto Rasmi Universiti



## I-SAJADAH BANTU KIRAAN RAKAAT SOLAT

Sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menghasilkan tikar sejadah pintar dan unik yang boleh membantu meningkatkan konsentrasi dan kualiti ibadah umat Islam ketika mendirikan solat.

Kumpulan yang diketuai oleh Musa Yusup Lada dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) itu telah berjaya membangunkan produk *i-Sajadah* dengan sistem peranti pintar yang memberi notifikasi bilangan rakaat dalam solat.

Menurut Musa, produk mudah alih dan mesra pengguna itu direka untuk mengatasi masalah mengingati turutan rakaat dalam solat yang dikerjakan dan sekaligus membantu mengekalkan tumpuan (*kekhusyukan*) dan kualiti solat.

Inovasi produk ini turut sama dibantu oleh Johar Akbar Mohamat Gani, Mohamad Riduwan serta pelajar iaitu Akmal Afiq Nazmudi dan Muhammad Amirul Hakim Kamaludin juga dari FKE.

“Penghasilan *i-Sajadah* diharap dapat menjadi jalan penyelesaian kepada umat Islam, khususnya golongan warga emas yang mengalami masalah kognitif dan daya ingatan yang lemah menggunakan produk ini bagi memastikan solat yang dikerjakan adalah sah dan sempurna dari segi bilangan rakaat” ujar beliau.

Jelas beliau, *i-Sajadah* telah direkabentuk menggunakan tikar sejadah yang biasa digunakan dan dilengkapi dengan paparan LED, kotak sistem pengawal serta gelang isyarat rakaat (*raka'ah alert device bracelet*).

Produk itu juga boleh digunakan oleh mereka yang mempunyai kecacatan penglihatan untuk mengira rakaat dalam solat melalui bilangan gegaran kecil pada pergelangan tangan.

Beliau berkata, penghasilan produk yang mesra pengguna dengan kos pengeluaran yang berpatutan itu merupakan satu kejayaan buat diri dan pasukannya serta universiti untuk terus menghasilkan produk penyelidikan yang



berkualiti, kreatif dan inovatif sejajar dengan visi UTeM untuk menjadi universiti teknikal yang unggul di rantau ini.

Antara kejayaan yang telah dicapai adalah memenangi pingat emas dalam ekspo penyelidikan *Malaysia Technology Expo (MTE) 2015* serta mendapat pengiktirafan daripada *Indonesian Invention and Innovation Promotion Association (INNOPIA)* dan produk itu juga telah dilindungi oleh beberapa jenis harta intelek.

“Para penyelidik UTeM yang berminat untuk memaparkan artikel berkaitan penyelidikan dan inovasi boleh menghantarkan maklumat tersebut melalui emel kepada [zulfatria@utem.edu.my](mailto:zulfatria@utem.edu.my) atau [nurnadhirah@utem.edu.my](mailto:nurnadhirah@utem.edu.my). Tertakluk kepada syarat dan peraturan.”





# UPCOMING EVENTS



*Tahniah Graduan*  
Bersama mencipta sejarah...

**Konyokesyen No. 11**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA BELAKA

DEWAN BESAR UTaM  
3 & 4 OKTOBER 2015 (GAMIT & BANG)  
BERSAMAAN 10 & 30 ZULKAJAH 1436H

*Saripada*  
PROF. CAMELOR, LEMBAGA PENGARAH, MARK CAMELOR,  
PENJURUSAN TEKNOLOGI DAN  
SELURUH WANGSA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA BELAKA (UTaM)



Tanah Tasyak Persembahan  
12 Oktober 2015

**UTeMEX 2015**

EXPO  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
2015

27-28 OKTOBER 2015 | Dewan Besar UTeM

*Innovating Technology For Societal Well-being*



**ICTEC 2015**  
INTERNATIONAL CONFERENCE  
on Telecommunication, Electronic  
and Computer Engineering

**November 16 & 17, 2015**  
Historical City of Melaka, Malaysia

email: [ictec2015@utem.edu.my](mailto:ictec2015@utem.edu.my)  
webpage: <http://ictec2015.utem.edu.my>

All registered papers  
will be published in  
SCOPUS indexed journals

CeTRI UTeM PRCUM  
PHOTONICS RESEARCH CENTRE

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA  
Centre of Excellence



**SCMSM 2015**

24<sup>th</sup> SCIENTIFIC CONFERENCE OF THE MICROSCOPY SOCIETY MALAYSIA  
2 - 4 Disember 2015 | Hotel Avillion, Melaka



MEDIA  
SOSIAL  
UTeM

[www.utem.edu.my](http://www.utem.edu.my)

 MyUTeM  
 UTeM\_my  
 utem\_moments

*scan this!*





Jon Ke



# Pesta KONGRES

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## UTeM ke-11

MERINTIS TEKNOLOGI FUTURISTIK

SOARING UPWARDS  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

4 Oktober 2015 | Ahad

2-4  
Oktober 2015  
Tapak  
Pesta Konvo,  
UTeM

Aktiviti Menarik

2 Oktober 2015  
Jumaat

MAJLIS PERASMIAN  
KONVO FEST UTeM KE-11

MALAM  
PENGHAYATAN ISLAM  
MENAMPILKAN :  
IM NAZRUL

3 Oktober 2015 | Sabtu

- MANUFACT INVENTION
- TECHNOROBOTIC CHALLENGE
- MALAM AKUSTIKA ISLAM  
MENAMPILKAN :  
IN-TEAM DAN AL-FALAK
- FUTURE TRANSPORT
- SEPAK RAGA BULATAN
- MUSIM BUSKER
- BARJASA SHOW
- DOTA 2 CHALLENGE
- TEH TARIK KING
- MASTER CHEF
- ROWING COMPETITION
- PRS CHALLENGE

UTeM ECO-RUN  
(TAPAK PESTA KONVO  
DAN SEKITAR)

INTERNATIONAL STUDENT

MALAM CITRAWARNA

PERTANDINGAN AKHIR  
RENTAK JUARA

PERTANDINGAN AKHIR  
JUARA LAGU

ARTIS JEMPUTAN :  
ENCIK MIMPI / AINAN TASNEEM

GENDANG 24 MUSIM

NUT STACKER

ASSEMBLE AND PLAY

CIRCUIT DESIGN AND SOLDER

ROBO-ARM CHALLENGE

LIGHT SEEKING ROBOT

MUSICAL CHAIR

PERTANDINGAN MEWARNA

PERTANDINGAN MENGUKIR BUAH

PERTANDINGAN MELUKIS KOLAM

PERTANDINGAN GALAH PANJANG

PERTANDINGAN JUARA LAGU

PERTANDINGAN RENTAK JUARA



KE KAMPUS INDUK UTeM, DURIAN TUNGGAL, MELAKA  
Hanya 3 minit dari Tol Ayer Keroh

Gerai Jualan & Pameran  
(Tapak Pesta Konvo)

2-4 Okt  
2015